

PENGHURAIAN KERJA PERKHIDMATAN JURUSOLEK

1. SKIM PERKHIDMATAN

Jurusolek Gred B19, B21/22, B25/26, B27/28.

2. PERINGKAT ORGANISASI

Istana Budaya.

3. RINGKASAN TUGAS

Bertanggungjawab dalam membuat solekan ke atas artis untuk persembahan dan produksi.

4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

4.1 Jurusolek Gred B19, B21/22

- a. Membantu menterjemah idea-idea kreatif secara visual bagi sesebuah produksi mengikut karektor dan pentarikhan (zaman).
- b. Mengenal pasti *make up* dan penampilan artis bersesuaian dengan sesebuah produksi teater dan tarian.
- c. Membantu membuat solekan ke atas artis sebelum persembahan.

4.2 Jurusolek Gred B25/26, B27/28

- a. Membantu menterjemah idea-idea kreatif secara visual bagi sesebuah produksi mengikut karektor dan pentarikhan (zaman).
- b. Mengenal pasti *make up* dan penampilan artis bersesuaian dengan sesebuah produksi teater dan tarian.
- c. Membantu dalam latihan solekan bagi jurusolek baru atau pihak yang meminta bantuan.
- d. Menyelenggara peralatan *make up* dan membuat rekod inventornya.

5. HUBUNGAN KERJA

Dalaman

- a. Cawangan Produksi.
- b. Pegawai di Istana Budaya.

Luaran

- a. Penganjur *show* luar.
- b. Pihak yang menggunakan kepakaran atau mengadakan persembahan di Istana Budaya.

6. PERSEKITARAN KERJA

- a. Dalam dan luar pejabat
- b. Dalam dan luar negara

7. KEBOLEHAN YANG DIUTAMAKAN (PENGETAHUAN/ KEMAHIRAN)

- a. Mempunyai kebolehan dan bakat solekan yang terkemuka mutunya.
- b. Mempunyai komitmen yang amat tinggi terhadap kerjaya sebagai jurusolek kepada aktiviti kesenian dan kebudayaan di Istana Budaya.
- c. Sanggup bekerja di luar waktu pejabat dan di waktu malam.
- d. Mempunyai minat yang mendalam ke arah memberikan sumbangan solekan dalam menjayakan aktiviti seni dan pementasan sehingga berjaya dengan sempurna.

8. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN

- a. Bertanggungjawab.
- b. Semangat kerja berpasukan.
- c. Profesionalisme.
- d. Kualiti.
- e. Disiplin diri yang tinggi.
- f. Sabar dan tekun menghayati tugas.

9. ANCAMAN/ BAHAYA

- a. Percanggahan kepentingan peribadi dan tugas.
- b. Penglibatan dengan aktiviti luar secara persendirian.
- c. Kegagalan kerja berpasukan.
- d. Tiada komitmen.
- e. Hasil kerja tidak berkualiti.

Sumber : Kementerian Penerangan Malaysia. Surat Rujukan KPO.341/1/(R)/Jld. 26 (26) dan (32) bertarikh 15 Oktober dan 17 Oktober 2008.